

Konflik di Bosnia belum selesai

BH - 5 APR 1994

Ⓢ

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan masyarakat antarabangsa, jangan menganggap keadaan di Bosnia-Herzegovina sudah pulih walaupun perkembangan terbaru di sana menunjukkan sedikit harapan ke arah keamanan dan kestabilan.

Perdana Menteri menegaskan, keamanan mutlak hanya dapat dicapai jika kuasa besar di Eropah sedia menunaikan tanggungjawab bagi mencari penyelesaian terhadap konflik yang sudah mengorbankan banyak nyawa itu.

Menurutnya, tindakan menembak jatuh pesawat Serbia baru-baru ini memberi mesej penting bahawa tindakan tegas perlu diambil bagi menamatkan keganasan serta pembunuhan oleh Serbia.

"Usaha bersepadu dalam semua operasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menunjukkan usaha

untuk mewujudkan keamanan dan keselamatan serantau memerlukan tindakan kolektif di kalangan negara anggota.

"Sebagai sebuah negara kecil, Malaysia amat menyedari bahawa kami tidak terlepas daripada ancaman sedemikian," katanya berucap di jamuan meraiakan rakan sejawatannya dari Sweden, Carl Bildt di Sri Perdana, malam ini.

Bildt tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari. Pagi tadi, beliau diberi sambutan permaidani merah di Medan Parlimen.

Dr Mahathir berkata, Malaysia menghargai sumbangan Sweden kepada PBB dalam mewujudkan keamanan dan menghantar bantuan kemanusiaan ke Bosnia-Herzegovina.

Malaysia, katanya, turut menghantar 1,500 anggota tentera ke bekas republik Balkan itu menerusi Pasukan Pengaman PBB (Unprofor).

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia turut mengalu-alukan proses rundingan yang baru selesai dianjurkan oleh Sweden serta Austria, Finland dan Norway untuk menyertai Kesatuan Eropah (EU).

"Kita berharap dengan penyertaan Sweden dalam EU melahirkan satu pendekatan ekonomi secara liberal oleh kesatuan itu di peringkat antarabangsa.

"Sebagai negara yang mengamalkan perdagangan terbuka, masa depan Malaysia bergantung sepenuhnya kepada suasana perdagangan dunia," katanya.

Menurut Dr Mahathir, persetujuan dalam Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (Gatt) baru-baru ini serta cadangan menubuhkan Pertubuhan Perniagaan Dunia, seharusnya dialu-alukan.

Beliau berharap semua pihak mematuhi peraturan

LIHAT MUKA 2

Konflik Bosnia belum selesai

DARI HALAMAN 1

BH - 5 APR 1994

perjanjian itu kerana jika tidak, ia tidak membawa sebarang erti.

Perdana Menteri berkata, negara membangun seperti Malaysia mempunyai sedikit kelebihan, terutama kos tenaga pekerja rendah berikutan sara hidup yang rendah.

"Jika kelebihan ini dirampas daripada kami, tentulah kami tidak dapat membangun seiring negara maju. Kini ada desas-desus mengenai usaha mengikis kelebihan kos

buruh yang rendah itu," katanya.

Beliau menegaskan, persaingan Malaysia dengan negara luar hanya bermakna jika mereka yang mahu bersaing itu mempunyai kekuatan serupa tetapi ia tidak bererti jika bersaing dengan kuasa besar.

Mengenai perhubungan kedua-dua negara, Dr Mahathir berkata, Sweden adalah antara negara Scandinavia yang menjadi rakan perdagangan

utama Malaysia.

"Teknologi canggih dan termoden Sweden memang diiktiraf dunia dan kami memandang jauh ke hadapan untuk mempelajarinya dalam usaha menuju era perindustrian.

"Dalam hubungan ini, inisiatif syarikat Sweden di negara ini menubuhkan Tabung Biasiswa Malaysia-Sweden amat dihargai kerana ia membolehkan rakyat Malaysia belajar teknologi serta kepakaran dari Sweden," katanya.